



**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BIL. 4/2022**

**PENGECCUALIAN BAYARAN BAGI PERMOHONAN HAKMILIK GANTIAN KERANA
HILANG/ROSAK AKIBAT BANJIR DI NEGERI SEMBILAN**

1. Tujuan

- 1.1. Arahan ini adalah sebagai panduan kepada semua warga kerja pentadbiran tanah di seluruh Negeri Sembilan mengenai pengecualian bayaran melibatkan hasil terimaan Kerajaan Negeri bagi permohonan hakmilik gantian kerana hilang/rosak akibat banjir di Negeri Sembilan.

2. Latar Belakang

- 2.1. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan pada 26 Januari 2022 telah bersetuju diberikan **pengeccualian melibatkan hasil terimaan Kerajaan Negeri** bagi permohonan hakmilik gantian kerana hilang/rosak akibat banjir di Negeri Sembilan **tertakluk kepada permohonan yang diterima di Pejabat Pentadbiran Tanah Negeri Sembilan**. Pengeccualian ini **tidak termasuk bayaran yang dikenakan oleh pihak Kerajaan Persekutuan** bagi permohonan hakmilik gantian berkaitan.

3. Pelaksanaan

- 3.1. Permohonan hakmilik gantian kerana hilang/rosak akibat banjir di Negeri Sembilan adalah dikecualikan dari bayaran yang **melibatkan hasil terimaan Kerajaan Negeri** seperti berikut:

- (a) Bayaran Pendaftaran Hakmilik Hilang/Rosak : RM 40.00
- (b) Bayaran Pendaftaran Surat Akuan : RM 40.00
- (c) Bayaran Notis : RM 10.00

3.2. Pengecualian ini **tidak termasuk** bayaran yang dikenakan oleh pihak **Kerajaan Persekutuan** seperti berikut:

- (a) Bayaran Warta : RM 60.00
- (b) Bayaran Ukur/Penyediaan Pelan
 - (i) Hakmilik Pejabat Pendaftar
 - Hakmilik Kekal (FT) : RM 10.00
 - Hakmilik Sementara (QT) : -
 - (ii) Hakmilik Pejabat Tanah
 - Hakmilik Kekal (FT) : RM 5.00
 - Hakmilik Sementara (QT) : -

3.3. Pemohon yang mendapat pengecualian bayaran ini **tidak perlu membeli dan mengemukakan Sijil Carian Rasmi** semasa membuat permohonan hakmilik. Pentadbir Tanah hendaklah mengeluarkan **Sijil Carian Rasmi Untuk Tujuan Rasmi** dan dikepilkan bersama permohonan yang dikemukakan oleh pemohon untuk tujuan semakan dan rujukan.

3.4. Pengecualian bayaran ini hanya bagi **Warganegara Malaysia** yang terlibat dengan **bencana banjir yang berlaku di Negeri Sembilan pada Disember 2021 sehingga Januari 2022** sahaja.

3.5. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan surat **pengesahan daripada Pegawai Daerah selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana** yang menyatakan pemohon terlibat dengan bencana banjir yang berlaku di **Negeri Sembilan** pada Disember 2021 sehingga Januari 2022.

3.6. Prosedur-prosedur lain untuk permohonan hakmilik gantian kerana hilang/rosak adalah dikekalkan.

4. Kuatkuasa

4.1. Arahan ini berkuatkuasa serta merta dan hendaklah dipatuhi sepenuhnya.



(DATO' HAJI ISHAK BIN MD NAPIS)

Pengarah Tanah dan Galian Negeri,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh : 18 Februari 2022

Rujukan : Bii (58) dim. PTGNS.10/17 klt.3